**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**PENDIDIKAN ISLAM** **1223/1**

**Kertas 1**

**Peraturan Pemarkahan**

# PERATURAN PEMARKAHAN
# PEPERIKSAAN PERCUBAAN
# PENDIDIKAN ISLAM SPM 2021

## UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

| No Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| 1 | (a) | (i) | Maksud dakwah:<br>- Menyeru supaya melakukan perkara yang diperintah oleh Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya. | 2 markah |
| | | (ii) | **Dua** tuntutan Allah SWT dalam ayat di atas selain dakwah:<br>- Beramal soleh<br>- Menjadikan Islam sebagai cara hidup. | 2 isi x 1 m = 2 markah |
| | | (iii) | **Dua** kepentingan dakwah dalam masyarakat:<br>- Merupakan tugas yang mulia di sisi Allah SWT<br>- Merupakan sunnah Rasulullah SAW<br>- Membimbing masyarakat ke jalan yang benar<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 1 m = 2 markah |
| | | (iv) | **Dua** pengajaran daripada ayat di atas:<br>- Kita hendaklah melaksanakan/menyampaikan dakwah (1m) kerana berdakwah adalah sunnah Rasulullah SAW (1m)<br>- Kita hendaklah beramal soleh (1m) supaya menjadi contoh kepada orang lain (1m)<br>- Kita hendaklah menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna (1m) supaya hidup dirahmati Allah SWT.(1m)<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2 m = 4 markah |
| | (b) | (i) | **Dua** golongan yang mendapat naungan Allah SWT selain daripada seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid:<br>- Pemimpin yang adil<br>- Pemuda yang hidup taat beribadah kepada Allah SWT<br>- Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT<br>- Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT<br>- Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya<br>- Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitiskan air mata | 2 isi x 1 m = 2 markah |
| | | (ii) | **Dua** cara untuk membuktikan seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid:<br>- Melakukan solat fardu secara berjemaah di masjid<br>- Menyertai aktiviti di masjid seperti majlis ilmu dan program sukan dan riadah<br>- Sentiasa iktikaf di masjid terutama pada bulan Ramadhan<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2 m = 4 markah |

إِنْ تُبْدُوا الصَّدَقَٰتِ فَنِعِمَّا هِيَ ۖ وَإِنْ تُخْفُوْهَا وَتُؤْتُوْهَا الْفُقَرَآءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۚ وَيُكَفِّرُ عَنْكُمْ مِّنْ سَيِّاٰتِكُمْ ۗ وَاللّٰهُ بِمَا تَعْمَلُوْنَ خَبِيْرٌ

Al-Baqarah : ayat 271

Maksud:
Jika kamu zahirkan sedekah itu, maka itu adalah baik, dan jika kamu sembunyikan sedekah itu serta diberikan kepada fakir miskin, maka ia adalah baik bagi kamu. Dan Allah SWT akan menghapuskan daripada kamu sebahagian daripada kesalahanmu. Dan Allah SWT Maha Mengetahui apa yang kamu lakukan.

(iv) Huraikan hujah anda untuk menyokong ayat al-Quran di atas. — 4 markah

| **Diskriptor** | **Skor** |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1 m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas | 2 m |
| Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan contoh yang menyokong isi yang diberi | 3 m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan diberi.<br>Olahan jawapan tepat, jelas. relevan dan menarik | 4 m |

Cadangan isi (MENYOKONG):

- Bersedekah dapat menghapuskan dosa
- Bersedekah perlu ikhlas tidak kira dilakukan secara zahir mahupun sembunyi
- Bersedekah dapat menghubungkan silaturrahim sesama manusia

Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.

2 (a) (i) **Dua** nama lain golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah: — 2 isi x 1 m = 2 markah

- Al-Salafussoleh
- Al-Sawadul ‘Adzam
- Al-Asya’irah
- Al-Maturidiah
- Ahlul Hadis

(ii) Pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah tentang isu-isu berikut: — 2 isi x 1 m = 2 markah

a) Adakah al-Quran makhluk?
   - Meyakini bahawa al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang bersifat Qadim (sedia ada)
b) Melihat Allah SWT.
   - Meyakini bahawa semua orang beriman dapat melihat Allah SWT pada hari akhirat kelak.

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah:<br>- Mendapat keredhaan Allah SWT<br>- Menjadi asas penerimaan sesuatu amalan<br>- Memelihara kesucian agama Islam<br>- Menjamin keamanan negara<br>- Mengelak umat Islam daripada terjebak dengan ajaran sesat<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>1 isi x 2 m = 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Gambar tentang serbuan pihak JAIS ke kubu Syiah. Mengapakah pihak berkuasa di Malaysia bertindak sedemikian? Huraikan.
<table>
<tr><th>Diskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas</td><td>2 m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3 m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan diberi.<br>Olahan jawapan tepat, jelas. relevan dan menarik</td><td>4 m</td></tr>
</table>
Cadangan isi (SEBAB/TUJUAN):<br>- Menyelamatkan akidah umat Islam Malaysia daripada kesesatan<br>- Menghindarkan umat Islam daripada fahaman melampau<br>- Menjamin keamanan negara<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud nama Allah SWT al-Jabbar.:<br>- Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Berkuasa secara mutlak (1m) untuk melakukan segala kehendak-Nya (1m)</td><td>2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua akibat bersikap takbur dan sombong dalam kehidupan bermasyarakat:<br>- Menimbulkan permusuhan dan pergaduhan (1m) kerana sikap pentingkan diri anggota masyarakat (1m)<br>- Masyarakat hidup tidak tenteram (1m) kerana sering berlaku perselisihan (1m)<br>- Masyarakat mundur (1m) kerana berlaku permusuhan dalam masyarakat (1m)<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>2 isi x 2 m = 4 markah</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Bagaimanakah anda menjauhi sikap (riak, sombong & takbur)? Kaitkan dengan keimanan terhadap sifat Allah SWT al-Jabbar. | 4 markah |

| Diskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1 m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas | 2 m |
| Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan contoh yang menyokong isi yang diberi | 3 m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan diberi.<br>Olahan jawapan tepat, jelas. relevan dan menarik | 4 m |

Cadangan isi (CARA):

- Meyakini hanya Allah SWT memiliki dan menguasai seluruh alam dan makhluk
- Meyakini bahawa Allah SWT tidak boleh dipersoalkan perbuatan-Nya
- Sentiasa tawaduk dan rendah diri kepada Allah SWT yang Maha Berkuasa

Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3 | (a) | (i) | **Dua** contoh binatang al-an'am yang disyariatkan untuk ibadah korban dan akikah:<br>- Unta<br>- Kerbau<br>- Lembu<br>- Kambing<br>- Biri-biri | 2 isi x 1 m = 2 markah |
| | | (ii) | **Dua** perbezaan antara ibadah korban dan akikah: | 4 isi x 1 m = 4 markah |

| PERKARA | KORBAN | AKIKAH |
|---|---|---|
| Tujuan | Mendekatkan diri kepada Allah SWT | Mensyukuri Allah SWT atas kelahiran bayi |
| Masa | 10,11,12 & 13 Zulhijjah | Setelah bayi lahir |
| Cara Agihan | Diberi mentah | Dimasak manis |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Gambar gotong-royong memotong daging korban untuk dibahagikan kepada golongan memerlukan.<br><br>Berikan pandangan anda berkaitan situasi di atas. | 4 markah |

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td></td>
<td>
<table>
<tr><th>Diskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas</td><td>2 m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3 m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan diberi.<br>Olahan jawapan tepat, jelas. relevan dan menarik</td><td>4 m</td></tr>
</table>
Cadangan isi (PANDANGAN):<br>
- Mengeratkan hubungan silaturrahim<br>
- Mewujudkan semangat bekerjasama dalam masyarakat<br>
- Melahirkan masyarakat yang prihatin<br>
<br>
Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.
</td>
<td></td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td>(b)</td>
<td>(i)</td>
<td>Dua rukun nikah selain bakal suami dan bakal isteri:<br>- Wali<br>- 2 orang saksi<br>- Ijab dan Kabul</td>
<td>2 isi x 1 m =<br>2 markah</td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>(ii)</td>
<td>Dua tanggungjawab suami isteri dari aspek ibadah:<br>- Mendidik keluarga dengan memberi pengetahuan berkaitan dengan ibadah yang betul<br>- Mempraktikkan cara hidup bersyariat dalam keluarga seperti solat berjemaah dan membaca al-Quran<br>- Memelihara anggota keluarga daripada amalan yang menyeleweng<br>- Memastikan anggota keluarga menunaikan tanggungjawab ibadah<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td>
<td>2 isi x 2 m =<br>4 markah</td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>(iii)</td>
<td>
<table><tr><td>Azman mengahwini Sarah dengan tujuan untuk menganiaya dan menzaliminya demi membalas dendam kerana pinangannya pernah ditolak oleh keluarga Sarah.</td></tr></table>
Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah perkara ini berlaku?<br>Bincangkan.
<table>
<tr><th>Diskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas</td><td>2 m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3 m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan diberi.<br>Olahan jawapan tepat, jelas. relevan dan menarik</td><td>4 m</td></tr>
</table>
</td>
<td>4 markah</td>
</tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Cadangan isi (SEBAB):<br>- Lemah iman menyebabkan wujudnya dendam<br>- Kurang didikan agama<br>- Mempunyai sifat mazmumah dalam diri<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | |
| 4 | (a) | (i) | Bilangan khalifah Kerajaan Abbasiah – 37 orang<br>Pusat pemerintahan – Baghdad, Iraq | 2 isi x 1 m = 2 markah |
| | | (ii) | **Dua** khalifah Kerajaan Abbasiah yang terkenal:<br>- Abu al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali al-Saffah<br>- Abu Jaafar Abdullah bin Muhammad bin Ali al-Mansur<br>- Harun al-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi bin al-Mansur al-Abbas<br>- Abu Jaafar Abdullah al-Makmun bin Harun al-Rasyid | 2 isi x 1 m = 2 markah |
| | | (iii) | Faktor kegemilangan Kerajaan Abbasiah dari aspek agama:<br>- Galakan khalifah memberi peruntukan khas kepada ulamak<br>- Semangat jihad yang tinggi<br>- Peranan institusi pendidikan sebagai pusat pengajian ilmu Islam | 1 isi x 2 m = 2 markah |
| | | (iv) | **Dua** iktibar yang boleh diambil daripada pemerintahan Kerajaan Abbasiah:<br>- Memilih pemimpin yang berwibawa (1m) supaya urusan pentadbiran berjalan lancar (1m)<br>- Bijak memanfaatkan sumber yang ada (1m) agar mampu bersaing di peringkat global (1m)<br>- Mencontohi dan mempraktikkan ciri-ciri kepimpinan Islam (1m) agar dapat berlaku adil (1m)<br>- Banyak meneroka pelbagai bidang ilmu (1m) agar kegemilangan tamadun Islam terus kekal (1m)<br>- Berusaha mempereratkan hubungan perpaduan antara kaum (1m) supaya negara aman (1m)<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2 m = 4 markah |
| | (b) | (i) | Riwayat hidup Salahuddin al-Ayubi:<br>- Nama penuh: Yusuf bin Ayub bin Syazi<br>- Tahun lahir: 532 Hijrah<br>- Tahun Meninggal: 589 Hijrah<br>- Jawatan: Pemerintah Kerajaan al-Ayubiah<br>- Ketinggian akhlak: Menghormati para ulamak<br>Berani mempertahankan agama<br>Prihatin terhadap kebajikan rakyat<br>- Guru Tersohor: Ali bin al-Hassan bin Hibatullah bin Asakir al-Dimasyqi | 2 isi x 1 m = 2 markah |

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua sumbangan beliau dalam bidang ketenteraan dan keilmuan:<br>Ketenteraan<br>- Membebaskan Baitul Maqdis daripada penguasaan tentera salib<br>Keilmuan<br>- Mengembalikan semula pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah</td><td>2 isi x 2 m =<br>4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>
<table><tr><td>Salahuddin al-Ayubi merupakan seorang pemerintah yang prihatin terhadap kebajikan rakyat. Beliau telah mengubah dewan di istana dengan menjadikannya sebuah hospital.</td></tr></table>
Berdasarkan petikan di atas, bagaimanakah anda sebagai ketua kelas dapat memberikan perkhidmatan kepada rakan-rakan anda? Huraikan.
<table>
<tr><th>Diskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas</td><td>2 m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3 m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan diberi.<br>Olahan jawapan tepat, jelas. relevan dan menarik</td><td>4 m</td></tr>
</table>
Cadangan isi (CARA/USAHA):<br>- Membantu rakan-rakan yang memerlukan pertolongan<br>- Bertanya khabar rakan-rakan yang tidak hadir ke sekolah<br>- Memberikan maklumat terkini berkaitan urusan kelas dan sekolah<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima</td><td>4 markah</td></tr>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua adab terhadap orang kurang upaya dari segi fizikal:<br>- Menyediakan kemudahan asas yang bersesuaian<br>- Memastikan kemudahan asas untuk mereka tidak disalahguna.<br>- Menyediakan mereka peluang dan ruang sesuai dengan keperluan mereka<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima</td><td>2 isi x 1 m =<br>2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua hikmah beradab terhadap orang kurang upaya:<br>- Memudahkan orang kurang upaya (1m) melakukan urusan harian mereka (1m)<br>- Melahirkan rasa syukur (1m) kerana diberikan fizikal dan mental yang sempurna (1m)<br>- Memupuk sifat kebersamaan terhadap semua golongan masyarakat (1m) demi memupuk perpaduan (1m)</td><td>2 isi x 2 m =<br>4 markah</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>- Menimbulkan rasa dihargai dalam diri orang kurang upaya (1m) kerana keprihatinan yang diberi (1m)<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku kepada golongan orang kurang upaya jika masyarakat awam menggunakan kemudahan awam khas untuk orang kurang upaya dengan sewenang-wenangnya.<br><br><table><tr><th>Diskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas</td><td>2 m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3 m</td></tr><tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan diberi.<br>Olahan jawapan tepat, jelas. relevan dan menarik</td><td>4 m</td></tr></table><br>Cadangan isi (AKIBAT/KESAN):<br>- Menyusahkan orang kurang upaya melakukan urusan mereka<br>- Menimbulkan rasa kecewa/ tidak dihargai dalam diri orang kurang upaya<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud sifat mazmumah:<br>- Sifat dan tingkah laku yang berlawanan dengan syarak</td><td>2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua contoh perbuatan riak:<br>- Melaksanakan solat sunat hanya jika berada di hadapan orang<br>- Bersedekah kerana mengharapkan pujian manusia.<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>2 isi x 1 m = 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Dua cara meninggalkan sifat mazmumah oleh individu:<br>- Sentiasa mengamalkan sifat mahmudah<br>- Sentiasa muhasabah diri<br>- Sentiasa mengawal keinginan nafsu yang suka bermegah<br>- Sentiasa berzikir kepada Allah SWT<br>- Mencontohi akhlak mulia Rasulullah SAW<br>- Bersahabat dengan rakan yang baik<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>2 isi x 1 m = 2 markah</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | Adam seorang pelajar yang cemerlang di sekolahnya. Beliau berasa bangga dengan kelebihan dan ilmu yang dimilikinya.<br><br>Sebagai seorang sahabat, apakah yang perlu anda lakukan untuk menginsafkannya? Huraikan. | 4 markah |

| Diskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1 m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas | 2 m |
| Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan contoh yang menyokong isi yang diberi | 3 m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan diberi.<br>Olahan jawapan tepat, jelas. relevan dan menarik | 4 m |

Cadangan isi (CARA):

- Menasihatinya agar berubah
- Bercerita tentang keburukan bersifat ujub
- Menunjukkan contoh teladan yang baik kepadanya

Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**